

TEKS UCAPAN BALAS

**YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA, KETUA
SETIAUSAHA NEGARA MAJLIS SAMBUTAN RASMI
PROGRAM PERTUKARAN LAWATAN KERJA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DAN MALAYSIA KALI KE-14 TAHUN 2012 PADA 2 – 4
NOVEMBER 2012 JAM 7:45 PAGI, THE EMPIRE HOTEL
AND COUNTRY CLUB, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI
DARUSSALAM**

**Yang Mulia Haji Mohd 'Abdoh Bin Dato Seri Setia Haji
Abdul Salam, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam;**

**Tuan Yang Terutama Dato' Abdullah Sani bin Omar,
Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei
Darussalam;**

**Yang Mulia Pangeran / Dato/ Setiausaha Tetap
Kementerian, Negara Brunei Darussalam;**

**YBhg Tan Sri / Dato' Sri / Dato'/ Ketua Setiausaha / Ketua
Perkhidmatan / Ketua Pengarah / Ketua Jabatan,
Malaysia:**

**Delegasi Pegawai Kanan Negara Brunei Darussalam dan
Malaysia,**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Para hadirin sekalian,

Asalamualaikum w.b.k.t. &

Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam Program Pertukaran Lawatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Kali Ke-14 Tahun 2012 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya saya amat gembira kerana dapat menyertai semula program ini di Brunei Darussalam, kerana saya juga pernah berkunjung ke sini pada tahun 2010 sebagai seorang dari ahli rombongan. Saya juga

amat terharu pada kali ini kerana buat pertama kali mengetuai program ini sejak pelantikan saya sebagai Ketua Setiausaha Negara Malaysia pada 24 Jun 2012.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Yang Mulia Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Hj. Abdul Salam, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam atas kesudian menjemput saya dan delegasi Malaysia serta layanan mesra yang telah diberikan semenjak ketibaan kami di sini.

3. Seperti yang kita maklum, program ini yang dimulakan pada tahun 1999, kini telah berada di edisi yang ke-14, dan merupakan platform kepada pegawai kanan bertaraf Ketua Setiausaha, Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Perkhidmatan/Jabatan untuk menjalin serta merapatkan hubungan dan kerjasama di antara Perkhidmatan Awam kedua-dua negara. Program ini juga merupakan wadah bagi memantapkan hubungan persefahaman, pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman antara penjawat awam dalam memimpin Perkhidmatan Awam negara masing-masing.

4. Umum mengetahui berdasarkan rekod, Perkhidmatan Awam merupakan tunjang pentadbiran dan perancangan pembangunan kedua-dua negara. Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam, kita perlu memastikan Perkhidmatan Awam sentiasa relevan dan responsif terhadap keperluan rakyat dan memimpin pembaharuan negara. Dengan adanya pertukaran dan perkongsian pengalaman, perkhidmatan awam lebih bersedia untuk memikirkan hala tuju perkhidmatan awam pada masa hadapan (*public service for the future*), melihat kepada peluang dan cabaran global yang perlu ditangani.

Para hadirin yang saya hormati,

5. Perkhidmatan Awam di Malaysia kini berada dalam fasa transformasi sejajar dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat melibatkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia mengamalkan Strategi Lautan Biru (BOS) dengan memperkenalkan beberapa inisiatif seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta kerjasama

Iuas ATM-PDRM. Dalam melaksanakan agenda Kerajaan, kami mengamalkan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” untuk kebaikan rakyat.

Para delegasi Pegawai Kanan sekalian,

6. Hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam dan Malaysia berada di dalam kedudukan yang amat baik dan terus kukuh. Rundingan Tahunan Pemimpin Ke-16 antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 September 2012 di Putrajaya, telah mengeratkan lagi hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Dalam hal ini, Malaysia amat menghargai pandangan dan sokongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memacu hubungan dua hala ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

7. Kerjasama Malaysia dan Negara Brunei telah menuju lembaran baru dengan pemeeteraian Perjanjian Kerjasama Ekonomi pada 2 September 2012. Perjanjian ini dijangka membuka jalan kepada pelbagai rangka

kerjasama komprehensif dan strategik dalam meningkatkan nilai perdagangan dua hala dan pelaburan, serta sektor-sektor lain untuk kepentingan bersama.

8. Kerjasama Malaysia dan Negara Brunei Darussalam juga terserlah di peringkat serantau dan antarabangsa menerusi ASEAN, PBB, OIC, NAM dan Komanwel. Sehubungan dengan itu, Malaysia ingin mengucapkan tahniah kepada Brunei Darussalam yang akan menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN dan Pengerusi ASEAN pada tahun 2013.

9. Dalam Kenyataan Bersama Rundingan Tahunan Pemimpin Ke-16, kedua-dua pemimpin menyedari akan kepentingan pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara pada pelbagai peringkat, termasuk penjawat awam dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, pelajar dan belia, serta sektor swasta bagi memupuk dan mengeratkan lagi hubungan dua hala ke arah kerjasama yang strategik dan komprehensif. Kedua-dua pemimpin juga, menyokong program ini diteruskan sebagai mekanisme untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dalam meningkatkan mutu

sistem penyampaian bagi kepentingan rakyat kedua-dua negara.

10. Oleh yang demikian, kepentingan hubungan Malaysia dan Negara Brunei Darussalam tidak hanya terhad kepada hubungan dua hala Kerajaan, dan dari aspek ekonomi sahaja, tetapi juga kepada usaha-usaha untuk memperluaskan hubungan rakyat kepada rakyat (*people-to-people relation*) yang merangkumi aspek kebudayaan, kesukanan, perkongsian agama, budaya, bahasa dan lain-lain lagi.

11. Justeru itu, program yang telah diaturkan bersama oleh Urus Setia Brunei dan Malaysia, termasuk perjumpaan dengan rakan sejawat, taklimat pembangunan, pertandingan sukan golf dan bowling serta lawatan sosial adalah wadah bagi memantapkan hubungan persefahaman, pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman antara penjawat awam kedua-dua negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Antara bidang kerjasama utama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia termasuk perdagangan dan pelaburan, tenaga dan hidrokarbon, pertahanan, pendidikan, pertanian dan perikanan, pelancongan, kebudayaan, kewangan dan halal hub, kesihatan, informasi dan teknologi komunikasi serta penyiaran.

13. Nilai perdagangan di antara kedua-dua negara pada tahun 2011 naik sebanyak RM1.817 bilion (USD594.05 juta) jika dibandingkan dengan RM1.598 bilion (USD496.25 juta) pada tahun 2010. Di samping itu, syarikat-syarikat Malaysia juga aktif dalam sektor pembinaan di Brunei, meliputi 11 pembangunan utama dengan nilai kontrak bernilai USD569.11 juta. Antara syarikat-syarikat tersebut adalah UEM Builders, Syarikat Piasu Konkrit dan Trans Resources Corporation.

14. Dalam hubungan ini, Malaysia menjemput penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam projek-projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Koridor Pembangunan Ekonomi yang bersesuaian

dengan minat pelabur Negara Brunei Darussalam, terutamanya di dalam sektor pelancongan, hartanah, gas dan minyak, perhotelan dan produk halal. Nilai pelaburan dan Negara Brunei Darussalam di Malaysia dalam sektor pembuatan bernilai USD11.02 juta untuk tahun 1980-2011. Pelaburan terkini dari Negara Brunei Darussalam adalah projek Grand Hyatt Hotel Kuala Lumpur dianggarkan berjumlah USD 234 juta dan Keningau Integrated Livestock Centre (KILC) bernilai USD 38 juta.

15. Dalam merealisasikan Komuniti ASEAN pada tahun 2015, Malaysia menghargai kerjasama Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan jalinan perhubungan (*connectivity*) dengan pembinaan bersama Jambatan Sungai Pandaruan, pelaksanaan *Frequent Travellers Facility*, dan penerbangan MASWings ke rantau BIMP-EAGA termasuk Bandar Seri Begawan pada bulan Februari 2012 yang lalu. Perkembangan ini memudahcara perjalanan rakyat dan pergerakan barangan selaras dengan usaha untuk meningkatkan hubungan rakyat dengan rakyat (*people to people relation*) serta membuka peluang aktiviti ekonomi.

16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat mengambil bahagian dalam program ini dengan semangat persahabatan, kesukanan dan muhibbah bagi faedah bersama Perkhidmatan Awam Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.